

6)

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10718**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kelahiran anak tak sah taraf di negeri Sarawak mengikut pecahan setiap bahagian dan kaum bagi tempoh 2013-2017.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Dari tahun 2013 hingga 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah merekodkan pendaftaran kelahiran bagi 32,044 orang anak tak sah taraf di negeri Sarawak. Perincian mengikut Bahagian di negeri Sarawak adalah seperti mana berikut:-**

Bahagian	Jumlah (Orang)
Kuching	8,538
Samarahan	342
Serian	869
Sri Aman	711
Betong	670
Sarakei	735
Mukah	776
Sibu	5,811
Kapit	1,523
Bintulu	4,817
Miri	6,259
Limbang	993
<b>Jumlah Keseluruhan (Orang)</b>	<b>32,044</b>

Dalam hal ini, lima kaum tertinggi adalah dalam kalangan masyarakat Iban (14,089 orang), Melayu (5,841 orang), Cina (2,239 orang), Bidayuh (2,239 orang) dan Melanau (1,555 orang).

6/2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 29**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan saman AES serta jumlah kutipan saman setiap tahun sejak mulanya AES.

Tuan Yang Dipertua,

Sejak AES mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012 sehingga bulan Mac 2017, sebanyak 2,899,483 saman telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada pesalah-pesalah trafik yang tidak mematuhi had laju dan lampu isyarat merah. Jumlah kutipan kompaun sebanyak RM106,331,420.00 telah diterima sehingga 31 Mac 2017.

Perincian bilangan saman AES dan jumlah kutipan saman AES bagi setiap tahun (23 September 2012 hingga 31 Mac 2017) adalah seperti yang berikut:

TAHUN		BIL. SAMAN KELUAR	JUMLAH SAMAN BAYAR (RM)
i.	2012 (23 Sep – 31 Dis 2012)	308,502	7,092,000
ii.	2013	714,051	26,555,700
iii.	2014	672,190	25,689,700
iv.	2015	583,818	23,490,300
v.	2016	477,227	18,216,370
vi.	2017 (1 Jan – 31 Mac 2017)	143,695	5,287,350
<b>JUMLAH</b>		<b>2,899,483</b>	<b>106,331,420</b>